

4.0 KAEDAH KAJIAN

4.1 PERSAMPELAN

Kajian ini menggunakan persampelan bukan probaliti iaitu teknik persampelan bertujuan untuk menjawab objektif yang diutarakan oleh pengkaji. Seramai 30 orang responden telah dipilih untuk menjawab borang soal selidik, iaitu terdiri daripada pelanggan yang mengunjungi Pasaraya Billion. Saiz sampel ini dikatakan relevan menurut Bailey (1994), di mana lebih kurang 30 kes merupakan saiz minimum bagi kajian yang memerlukan analisis data perangkaan. Pemilihan responden adalah berdasarkan kesudian dan kelapangan mereka untuk menjawab borang soal selidik.

Antara ciri yang diambil kira semasa proses pemilihan responden adalah, mereka seharusnya adalah pengunjung yang mengunjungi Pasaraya Billion dan pengkaji telah memilih penduduk Desa Putra. Hal ini kerana, mereka tinggal berdekatan Pasaraya Billion dan sentiasa mengunjungi pasaraya berkenaan untuk membeli barang keperluan. Oleh itu, hanya penduduk Desa Putra yang mengetahui sejauh mana perkhidmatan Pasaraya Billion terhadap Kempen Plastik Sifar ini. Responden tidak dikira melalui jantina, umur, kaum, taraf pendidikan mahupun pendapatan bulanan mereka.

4.2 PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan soal selidik dan pemerhatian. Soalan soal selidik telah dibentuk untuk mendapatkan data tentang kekerapan penggunaan beg plastik oleh pengunjung Pasaraya Billion yang telah dikhususkan hanya kepada penduduk Desa Putra.

4.2.1 Data Primer

Kaedah soal selidik dilakukan dengan penduduk Desa Putra dimana mereka sendiri adalah pengunjung yang mengunjungi Pasaraya Billion. Kaedah pemerhatian turut digunakan untuk meninjau keadaan kawasan kajian iaitu di Pasaraya Billion.

a) Borang Soal Selidik

Soal selidik adalah kaedah utama dalam pengumpulan data kerana ianya berhubung terus dengan penduduk Desa Putra. Cara kajian dijalankan adalah melalui kaedah soal selidik (Mahzan Arshad, 2008). Penggunaan borang soal selidik perlu melalui strategi mereka bentuk soal selidik yang bersesuaian supaya tidak berlaku bias. Kaedah ini adalah kaedah yang paling popular yang digunakan para pengkaji untuk mendapatkan data primer. Borang soal selidik ini perlulah bersesuaian dan mengikut objektif yang telah ditetapkan. Hal ini agar soalan tersebut tidak menyimpang jauh daripada sasaran. Bahasa yang digunakan juga haruslah yang mudah dan senang difahami oleh semua golongan responden. Hal ini supaya responden faham semasa menjawab soalan dan tidak memberikan jawapan yang tidak benar.

Borang soal selidik ini berbentuk soalan terbuka. Rasional menggunakan soal selidik terbuka adalah untuk mendapatkan min purata serta peratus bagi setiap jawapan. Borang soal selidik ini menggunakan kaedah Skala 4 peringkat. Soal selidik adalah berdasarkan dua objektif kajian iaitu mengenal pasti kekerapan penggunaan beg plastik oleh pengunjung di Pasaraya Billion, Bandar Baru Bangi dan mengenal pasti akan kesan penggunaan beg plastik terhadap alam sekitar. Berdasarkan objektif kajian pula terdapat dua persoalan. Bagi objektif kajian pertama persoalannya adalah mengenai kekerapan penggunaan beg plastik oleh pengguna dan juga perkhidmatan dari Pasaraya Billion, Bandar Baru Bangi terhadap Kempen Plastik Sifar. Seterusnya, bagi objektif kajian kedua pula persoalannya adalah mengenai kesan penggunaan beg plastik terhadap alam sekitar dan kesan penggunaan beg plastik kepada manusia.

b) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian adalah kaedah alternatif yang ada dalam pengumpulan maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik. Pemerhatian memerlukan penyelidik memerhati sendiri keadaan di kawasan kajian. Kaedah kajian ini membolehkan pengkaji lebih memahami situasi yang sebenar yang hendak digambarkan oleh responden. Pemerhatian dilakukan dalam persekitaran semula jadi tanpa manipulasi atau campur tangan dari pemerhati.

4.2.2 Data Sekunder

Data Sekunder seperti peta dan gambar rajah kebanyakannya diperoleh daripada laman web Google.

4.3 TEKNIK PENGANALISAAN DATA

Teknik penganalisan adalah menggunakan teknik penganalisan data secara kuantitatif.

4.3.1 Data Penganalisan Kuantitatif

Data dianalisa menggunakan kaedah deskriptif dalam bentuk peratusan, min dan juga kekerapan. Analisa data dilakukan apabila memperolehi data primer dari soal selidik yang diedarkan kepada responden. Tahap analisis dicapai apabila data yang diperolehi dipastikan, disunting dan ditukarkan kepada angka. Seterusnya, data tersebut yang telah dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Dalam borang soal selidik, Skala 4 peringkat digunakan dalam menilai persepsi penduduk Desa Putra terhadap amalan Kempen Plastik Sifar di Pasaraya Billion, Bandar Baru Bangi. Setiap peringkat penilaian diberi nilai dalam bentuk angka menggunakan skala dimana 1 mewakili sangat setuju, 2 mewakili setuju, 3 mewakili tidak setuju dan 4 mewakili sangat tidak setuju.

1	Sangat Setuju
2	Setuju
3	Tidak Setuju
4	Sangat Tidak Setuju

Skala 4 Peringkat